

TUN HUSSEIN ONN

PENGHORMATAN BERITA MINGGU ②



■ Berwuduk untuk berjumpa di masjid Parit Mahang, B.Pohar (Jun 1978).

Di negara lain berebut nak memerintah

Kita hilang pemimpin berwibawa



Inilah simbol rakyat Malaysia sebenar. Tokoh negara, kita cari-cari

Mereka sefamili tak angkuh, walaupun Tun orang penting negara

PENDIRIAN Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri yang tidak prejudis terhadap rakyat akan tetap dikenang oleh bekas tukang guntingnya, Encik S. Dhamodaram.

Bellau mengenai Tun Hussein Onn lebih 10 tahun dulu, ketika dia membuka kedai gunting di Jalan Othman, Petaling Jaya Lama, Selangor.

Sekeluarga Tun Hussein Onn menjadi pelanggan tetapnya, sehinggalah dia dilantik menjawat Jawatan Perdana Menteri pada tahun 1976 dulu.

"Perkenalan saya dengannya adalah secara peribadi lebih dari sekadar tukang gunting dengan pelanggan. Dia, isteri dan anaknya sangat mesra dengan saya. Mereka tidak angkuh, walaupun Tun sebenarnya orang penting negara.

"Saya tetap ingat lagi, bila dia datang—sama ada ditemani oleh isterinya atau anak-anak, dia tetap mesra dan kami saling hormat-menghormati."

"Biasanya, bila dia sampai dan pelanggan masih ramai menunggu giliran, dia juga akan mengambil tempat, menanti sama. Dia tidak sombong, walaupun dia pemimpin terkemuka.

"Dia tidak banyak bercakap. Dia akan membaca akhbar atau buku sementara gilirannya tiba," katanya.

Cara penuh disiplin itu amat menarik hatinya. Bila tidak ramai pelanggan, Tun Hussein sering bertanya serba-sedikit latar belakang hidupnya.

Menurut Encik S. Dhamodaram, dari tutur berpidangannya luan dan di sebelah sikap pendiamnya itu, dia tidak mudah dipengaruhi.

Pandangan sempitnya lalunya nyata benar bila Tun Hussein memegang mandat negara ini bertukar kemalihan Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia Kedua.

"Saya sungguh merasa bangga dengan dirinya. Dia tidak pernah membezakan seseorang walaui apa bangsa dan agamanya.

"Bagi saya, itulah simbol rakyat Malaysia

sebenar. Tokoh negara yang kita cari-cari," katanya.

Pengunduran Tun Hussein dari kerajaan sungguh mendukacitakan berjuta-juta rakyat dan baginya yang pernah bertemu-bual dan memberi khidmat secara langsung kepada Tun Hussein Onn itu, lebih-lebih pula dirasakannya.

"Dia bersara begitu cepat dan dalam usia yang masih muda. Rakyat dan negara masih memerlukan ketekohan seorang pemimpin seperti itu," katanya, terharu.

Pendapat itu dipersetujui oleh seorang jurujual, Cik Jenny Lim.

"Sungguh pun saya tidak begitu mengikut perkembangan politik tanahair, saya tetap kagum dengan ketokohnya.

"Saya rasa, Tun Hussein tidak sepatutnya mengambil keputusan itu. Dia seorang yang menjalankan dasar-dasar kerajaan dengan cemerlang.

"Lihatlah perkembangan ekonomi dan perindustrian sepanjang pimpinannya. Sungguh

cemerlang sekali. Kini kita kehilangan seorang pemimpin yang sukar didapati seperti itu."

Cik Jenny Lim tidak selalu mengikut perkembangan politik tanahair, tetapi dia itu ketinggalan dengan perkembangan negara akhir-akhir ini.

"Sebabnya, inilah kali kedua Perdana Menteri negara kita meletakkan jawatannya. Suatu hal yang tidak mudah berlaku di negara lain. Orang lain berebut untuk memerintah, tetapi, di sini, segalanya berlainan sekali," katanya.

"Kita sebenarnya kehilangan seorang pemimpin yang berwibawa. Tetapi langkah Tun Hussein itu memberi kebaikan buat diri dan negara seluruhnya juga.

"Bellau seorang yang berfikiran luas. Itu membuat keputusan demi kebaikan semua orang. Bila dia meletakkan jawatan, sebenarnya meyakini ketekohan pemimpin yang menggantikannya," demikian ujar pendua, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Encik Abdul Razak Abdul Rahman. ■

Keputusan Tun bersara dikagumi semua golongan rakyat



■ Bersalam dengan Datuk Atri selepas sidang krisis Kelantan (Nov. 1977).



■ Melawat Dr. Tan Chee Khoo di Hospital Universiti (November 1976).

MESKIPUN Tun Hussein Onn mengambil keputusan bersara dari puak pimpinan negara, UMNO yang menjadi parti teras kerajaan, negara dan rakyat tetap berbangga dan mengagumi kepimpinannya.

Barangkali kerana itulah keputusan dan jalan terakhir yang diambil bellau sepenuhnya rela itu diambil oleh tokoh-tokoh politik—kawan dan lawan—dengan nada keharuan.

Reaksi ini, sebenarnya, mengambarkan betapa penghormatan mereka terhadap kepimpinan Tun Hussein Onn. Tidak sahaja bagi kepentingan bangsa Melayu malahan juga untuk keseluruhan rakyat.

Kerana itu, wejariah jasa dan pengorbanan bellau yang begitu tinggi nilainya diabadikan kenangan generasi-jarah negara untuk kenangan generasi-hari ini dan akan datang.

Beberapa orang yang diwawancara di Pulau Pinang memang menyetujui hakikat ini.

Datuk Mohamed Noor bekas Yang Dipertua Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) guru berkata, "Memang kena pada waktunya Tun Hussein mendapat penghargaan negara."

Menurut Datuk Mohamed Noor, ketegasan, kejujuran dan ketulusan Tun Hussein dalam mengendalikan pemerintahan negara dan parti telah berimpian negara dan parti telah berjaya meletakkan kedudukannya yang tinggi di mata masyarakat semua bangsa.

"Saya tidak begitu rapat dengan Tun Hussein, berbanding dengan bapanya Hussein, berbanding dengan bapanya Hussein, berbanding dengan bapanya Hussein, berbanding dengan bapanya Hussein," kata Datuk Mohamed Noor. ■

Datuk Mohamed Noor atau lebih terkenal Cikgu Noor.

"Ragaimanapun, dari pengamatan saya sendiri Tun Hussein sebenarnya dapat mewarisi sedikit sebanyak sikap yang pernah diamalkan oleh bapanya," kata bellau lagi.

Menurut Datuk Mohamed Noor, Allahyarham Datuk Onn Jaafar memang terkenal tegas orangnya. "Cakapnya sukar diubah," katanya.

UMNO kata Datuk Mohamed Noor, bertuah kerana mempunyai pemimpin yang berkaliber, termasuk Tun Hussein Onn yang melepaskan jawatan yang dipegangnya kerana sebab-sebab kesihatan.

Ketika memimpin, jelas Datuk Mohamed Noor lagi, Tun Hussein berjaya pula menjolokkan pemimpin-pemimpin yang mempunyai kaliber yang baik untuk memberi khidmat mereka kepada negara.

"Hakikat ini memang tidak dapat dinafikan. Tetapi inilah bukti berkesannya pemimpin Tun Hussein," katanya.

Datuk Mohamed Noor yakin landsan kepimpinan yang digariskan oleh Tun Hussein akan dijadikan pedoman oleh pemimpin-pemimpin selepas bellau.

Bellau juga tidak akan lupa jasa Tun Hussein membantu penduduk-penduduk di Taman Tun Sardon untuk mendirikan masjid berharga \$300,000.

"Saya menulis surat kepadanya dan mendapat jawapan segera untuk membenarkan bangunan ibadat itu dibina di situ," kata Datuk Mohamed Noor. "Kini pembinaan masjid itu akan segera dijalankan untuk menampung hampir 1,000 jemaah. Kami terhitung budi kepada Tun Hussein kerana bellau amat menghargai permintaan kami," kata Datuk Mohamed Noor. ■

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



BAGI pemimpin yang menganggap kuasa adalah "amanah dan tanggungjawab", saat-saat akhir berpindah kuasa tidak sedikit pun menampilkan risu dan kecewa. Begitu halnya dengan Tun Hussein Onn dirakam dalam foto foto ini di Pesta Agung UMNO ke-32 akhir bulan lalu. Di persidangan itu dengan rasi beliau tidak lagi jadi Presiden UMNO, namun bersama Datuk Seri Dr. Mahathir dan pemimpin M1 lain, Tun Hussein berkecimpung saat-saat gembira. ■

Baktinya disanjung

TUN Hussein Onn ialah sumber inspirasi pergerakan wanita seluruh tanahair. Dia mengikut, menghormati dan menggalakkan perjuangan mereka dengan penuh pengertian mendalam serta tanggungjawab yang besar. Pengundurannya dari kerusi Perdana Menteri yang diduduki lebih lima tahun itu ditangisi: bagai berkabung pada kehilangan yang tak mungkin berganti lagi. Itulah rasa terima kasih dalam keharuan yang tidak berakam dalam ucapan.

Begitu perasaan orang-orang yang pernah bersama-sama di bawah pimpinannya. Pengeraja di Pejabat UMNO Selangor dan Wilayah Persekutuan kini tidak lagi di bawah pimpinan beliau. Namun, pada semua, datang dan perginya Tun Hussein Onn bukan bagai angin yang berlalu. Ada jasa yang ditinggal untuk dikenang. Cidmat-baki cemerlangnya tetap menjadi coetan dalam lipatan sejarah. Ibu Mianli, Hajjah Anjah binti Mohd Arif,

memimpin veteran wanita yang menggauli dan mengenali Tun Hussein Onn memberi pendapatnya: "Memang tidak dinafikan, semua pemimpin adalah bertanggungjawab, berwibawa, bersemangat dan berpetanangan dalam membangunkan negara. Sejak Tunku Abdul Rahman dahulu lagi, semuanya Tunku Abdul Rahman yang mulai-mula dulu, terkenal sebagai bapa Malaysia. Dia berjuang habis-habisan untuk mendapatkan kemerdekaan Malaysia. Begitu juga Allahyarham Tun Abdul Razak yang menjadi Perdana Menteri. Terkenal dia sebagai bapa pembangunan. Bila Tun Hussein, yang menyambung tugas itu, dia turut meneruskan tugas kepimpinan itu. Namun, setiap pemimpin itu ada keistimewaan sendiri. Pada Tun Hussein, saya dapati ketistimewaan dalam menjalankan tugas penuh disiplin. Dia jujur dan ikhlas. Danimbang rasanya kena pada tempatnya. Jika dia mesti bertegas, maka dia tidak pula

mengabaikannya. Kita dapat saksiikan sendiri kewibawaan itu berliku di depan kita. Bagi Hajjah Anjah, sesuatu amat dibanggai dari bekas pemimpin itu ialah sikap keterbukaannya menerima pendapat dan bantangan. Dia begitu teliti dalam tugasnya, tidak pula mudah terpedaya dengan sebarang pengaruh yang tidak berasas. "Saya melihat sendiri bagaimana dia memberi penjelasan dalam setiap satu keputusan yang dibuatnya. Dia membuka peluang kepada sesiapa saja yang ingin mengemukakan pandangan. Tetapi, bila pendapat itu perlu dibantah, dia memberi huraian yang membuat kita berpuas hati. "Dan satu lagi, cara dia memberikan hujah-jahya: selain memberi beberapa tanggapan yang kita nampak kesan baik-buruknya, kata-katanya diluahkan dengan hormat. Tanda dia bukan saja mendapat penghormatan, tapi sedia menghormati orang lain," katanya. Bagi Hajjah Hawa Musa, tokoh wanita



Berundur dari kerusi Perdana Menteri yang didudukinya lebih lima tahun ditangisi, bagai berkabung pada kehilangan yang tak mungkin berganti

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



Tun Hussein membetulkan kasutnya dalam suatu lawatan (Mac 1980).



Meraikan orang-orang cacat di rumah terbuka Hari Raya 1977 di kediamannya.


Sikapnya tegas dan teliti, tapi juga bertimbang rasa

DATUK Abdullah bin Haji Ahmad merasa amat bertuah kerana pertama kali dilantik menjadi Setiausaha Parlimen. Beliau dicampakan di Kementerian Wilayah Persekutuan Menteri Tun Hussein Onn. Dalam dua tahun bekerja di bawah Tun Hussein, beliau berpeluang mengenal pemimpin negara yang ulung itu dari dekat. Datuk Abdullah dilantik ke jawatan tersebut pada September, 1978 dan September, 1980 dilantik menjadi Timbalan Menteri di Kementerian yang sama, dengan Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud sebagai menteri. Mengingat kembali permulaan perhubungan dan pergaulannya dengan Tun Hussein, Datuk Abdullah berkata, sebenarnya pada mulanya amat sulit akan dilantik menjadi Setiausaha Parlimen di Kementerian yang dijaga sendiri oleh Perdana Menteri. "Saya susah hati dan sangat bimbang. Saya susah hati kerana saya dengar orang kata Tun Hussein terlalu mengendalikannya," katanya. Datuk Abdullah berkata, "Saya dapati Tun Hussein tidak bekerja sendirian setelah dia yakin saya boleh dan mampu menjalankan

tugas itu," katanya lagi. Bagi Tun Hussein, kata beliau, setelah dipercayai kebolehan dan keikhlasan seseorang itu, ia akan memberi segala peluang untuk menjalankan tugas tanpa gangguan. Datuk Abdullah berkata, beliau bekerja di bawah Tun Hussein merasai erti yang sangat besar kepada beliau. Peluang itulah sebesar-besarnya pelajaran yang tidak akan dapat jian tinggalkan. "Sepanjang perhubungan dan pergaulan kami, Tun Hussein bukan saja seorang pemimpin yang mendidik, tapi juga sebagai seorang guru yang mengajar dan menunjuk cara dan jalan menjalankan tugas," katanya. Ditanya tentang pandangannya terhadap Tun Hussein, Datuk Abdullah diikatkan tentera itu memang tegas. Pada Tun Hussein, undang-undang itu perlu ditaat. "Walaupun undang-undang perlu ditaat, Tun Hussein juga kemaluhan, ialah Datuk Abdullah ingatlah sambil merenung jauh untuk mengingati kisah-kisah lama. Datuk Abdullah berkata, undang-undang dan kemandirian dalam dan pertimbangan. Pada Tun Hussein, kata Datuk Abdullah lagi, terdapat perpaduan sifat seorang pemimpin yang tegas, seorang penduduk yang didedikasikan dan berakhlak yang adil. "Di samping itu, Tun Hussein sebagai seorang pemimpin yang tegas, beliau sentiasa menjadikan keadilan sebagai pertimbangan kepada sebarang perkara atau masalah yang timbul," katanya lagi. ■

Sumbangannya pada pembinaan seni, budaya besar

Jaya letakkan sastera kebangsaan pada kemuncak



Rakaman foto bersejarah Tun Hussein ketika jadi Perdana Menteri. A: Meraihan kanak-kanak cacat sempena Hari Raya 78, di Seri Taman. B: Melawat Candi Borobudur bersama Presiden Suharto, 4 Mac 79. C: Menakik kereta kuda bersama Toh Puan Sahallah dalam lawatan ke Turki, Mei 77 dan D: Memperkenalkan penggantinya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad, di Persidangan Agung UMNO, baru-baru ini.

PERKEMBANGAN sastera negara begitu pesat dalam dekad 70-an. Bukan itu saja, malah Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) berkembang dengan amat malang, baik di peringkat nasional ataupun antarabangsa.

Di dekad 70-anlah jua, agensi Kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, umpamanya, mem berikan sumbangan yang tidak sedikit terhadap pembinaan kesenian dan kebudayaan, termasuk berusaha mencari akar dalam muak tradisi.

Prof. Ismail Hussein menafikan ini semua adalah berkat ketegasan Tun Hussein dalam memberikan nafas kepada kegiatan bahasa dan budaya.

Di zamannya, kata Prof. Ismail, Bahasa Melayu berkembang hebat. Dan, hasilnya, media kebangsaan mula menjadi besar di negara ini.

Menurut aktivis budaya itu, sejak menjadi Menteri Pelajaran, Tun Hussein memberikan perhatian kepada bahasa dan budaya.

Di samping itu, Prof. Sastera yang juga Ketua S a t u C A P E N A mengucapkan "Tun Husseinlah yang meletakkan sastera Kebangsaan pada kemuncaknya. Anugerah Sastera Negara adalah hadiah tertinggi yang dilaksanakan di rantai Asean."

Anugerah Sastera Negara, menggantikan Hadiah Sastera Kerajaan sebagai tanda penghargaan paling tinggi kepada sasterawan tanahair. "Anugerah tersebut, tiada tolok bandingnya di seluruh Asia, hanya itulah saja yang ada."

Sungguhpun, setakat ini Filipina mempunyai Anugerah Sastera Negara, namun ia tidak khusus diberikan kepada penulis, ia meliputi segenap aspek seni - sastera, muzik dan juga sasterawan.

Berikutlah Tun Hussein ketika menjadi Perdana Menteri dulu, memelihara dan memasyakan kesenian dan kebudayaan bangsa melalui kelahiran SEMIDAN dan Persatuan Penulis Malaysia.

Sementara itu, Haji Radin Supathnan, tokoh veteran UMNO, mem bertia bu beliau kemul dalam tahun 50-an ketika menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, masih sama dengan senyumnya sewaktu jadi Perdana Menteri.

Presiden Persatuan Perubatan Tradisional Malaysia itu, mengakui dia tetap menyukai Tun Hussein, nyatanya kerana ketegasannya beritakan beberapa isu seperti MTUC, kes Datuk Harun dan sebagainya.

MB Perlis tak akan lupa kunjungan Tun ketika dia sakit di UK

"ADA orang kata susah nak jumpa Tun Hussein Onn. Tetapi, saya tidak pernah hadapi sebarang kebuntuan," demikian luahan rasa Menteri Besar Perlis, Dato Jaafar Hassan.

Datuk Jaafar kini sedang cuti berihaf selepas pembedahan di London baru-baru ini.

Ketika ditemui di kediamannya di Sri Rumpun, Kangar, beliau menganggap Tun Hussein sebagai pemimpin yang tegas dan berdisiplin.

Tun Hussein adalah pemimpin yang cepat meara bila sudah berjumpa.

"Kadangkala, kalau saya menemuinya, berati rasa hati untuk meninggalkan, kerana kemeraannya. Tetapi, kerana menghormatinya sebagai Perdana Menteri dan tugasnya, saya tidak mahu mengambil masanya lebih dari yang perlu."

Dato Jaafar mengungkap amat sukar baginya melupakan satu kisah sepanjang hayatnya - iaitu sewaktu beliau terlanjar di hospital di London, baru-baru ini.

Ketika itu, Tun Hussein yang baru sahaja menjalani pembedahan mengunjunginya dan bertanyakan khabar tentang keihatannya.

"Siapalah saya hanya seorang ahli politik biasa. Bila menerima kunjungan seorang Perdana Menteri dalam keadaan sedang sakit, bayangkanlah saya betapa besarnya hati ini."

"Tetapi, itulah sebenarnya sifat kemeraan Tun Hussein yang tidak akan saya lupakan selagi hayat dikandung badan."

Menurut Dato Jaafar, sebagai Menteri Besar, dalam menjalankan tugasnya beliau tidak menghadapi sebarang kerumitan untuk meminta Tun Hussein campur-tangan menyelesaikan sesuatu masalah.

Katanya, bila -bila masa jika perlu Tun Hussein Onn sedia menerima beliau, dengan tanpa banyak bicara.

Dato Jaafar mula mengenali wajah Tun Hussein di tahun 1960-an. Ketika itu, Tun Hussein menjadi Ketua Pemuda UMNO Malaysia yang menghadiri perlimpahan agung UMNO di Peris dan Dato Jaafar menjadi jurutulis.

"Ketika itu saya tidak bercakap seapatah pun dengannya. Hanya mengenali wajahnya sahaja. Sehingga tahun 1975, ketika beliau menduduki Majlis Kerja Tertinggi (MKT) dan saya juga di dalamnya."

Sewaktu di London, kebalkan budi keluarga Tun Hussein. Onn amat dikenangnya. Kerana, selain dari Tun Hussein, beliau ada dua anak, Dr. Suraya dan Puan Hanim, begitu berhambal tinggi.

"Kadang-kadang keluarga Tun Hussein sering menghantar makanan kepada saya dan menolong saya mendapatkan tempat dalam kapal terbang selepas pembedahan."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

BELIAU MENJADI TUNGGAK KEPADA KEKUATAN KOMPONEN BN Kebolehan atasi kerumitan, suatu keistimewaan



■ Foto ini diambil tahun 1977. Tun Hussein sedang ditandu oleh pandu-pandu puteri dari Sekolah Sultan Idris setibanya untuk merasmikan Jambori.



Ketua penuh disiplin, gigih dan jujur

MENCARI pemimpin yang boleh memimpin para pemimpin bukan mudah yang ditangka. Apa lagi kemampuan pemimpin yang bisa diterangkan itu adalah mereka yang tiba dari beberapa kumpulan yang setiap satunya punya matlamat dan aspirasi mereka sendiri.

Andanya pemimpin-pemimpin yang mewakili beberapa kumpulan seperti ini dapat diataskan ke arah satu pemukiman yang umum, maka pemimpin yang dapat menyatukan itulah yang patutnya diberi peranan istikharah. Tetapi jumlah pemimpin yang dapat memimpin pemimpin ini tidak ramai yang ditemui.

Dalam barisan anaka ragam pemimpin di Barisan Nasional inilah Tun Hussein Onn membuktikan kewibawaan pimpinannya untuk menggabungkan tokoh-tokoh dari berbilang parti itu ke arah satu perjuangan bersama. Dan kebolehan penyatuan inilah yang menjadikan tunggak kepada kekuatan komponen Barisan Nasional.

Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, dalam ulasannya memperkatakan sikap Tun Hussein yang sebelum membuat sesuatu keputusan terhadap sesuatu dasar itu akan terlebih dahulu memberikan peluang orang lain untuk mengemukakan hujah dan pendapat. Selepas mendengar dan memili pandangan-pandangan inilah baru keputusan diambil.



■ Tun Hussein dan Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman ditandu oleh Pemuda-pemuda PBB Sarawak di Konesyen PBB tahun 1978.

Begitulah jika kita terangkan betapa keadaannya kepimpinan dalam Barisan Nasional. Parti-parti komponen yang menyertainya masing-masing punya matlamat dan dasar-dasar perjuangan yang tersendiri. Dalam pada itu, pergeseran antara satu parti dengan satu parti yang lainnya amat sukar sekali untuk dielak.

Dari masa ke semasa krisis demi krisis muncul dalam rumbangnya sebesor ini. Dan beritulah itu ujian demi ujian menjengah Tun Hussein sebagai pemegang teraju barisan tersebut. Selesai atas tidaknya masalah yang mendatang itu adalah cermin kepimpinan yang akan berbalik juga kepada Tun Hussein sendiri ketika itu.

Tetapi, tanpa payah kita mubahatkan satu permasalahannya dari apa yang berlaku, kebolehan mengatasi kerumitan adalah sesuatu yang menjadi keistimewaan Tun Hussein Onn semasa era kepimpinannya. Dan, atas dasar-dasar inilah di detik-detik persaraannya, para pemimpin dalam komponen Barisan Nasional tanpa selindung memperkatakan dengan jelas siapa Tun Hussein itu pada pandangan mereka.

Datuk Paul Leong pula sebagai Timbalan Presiden Gerakan, menyingskap kembali akan kemenangan besar BN dalam pilihanraya 1978. Menurutnya kejayaan segemilang itu adalah kerana kewibawaan dan ketibaan Tun Hussein dalam memperjuangkan keamanan, kestabilan dan keadilan dalam masyarakat.

Untuk menjadi pemimpin bukan mudah. Kita hanya dapat menikmati khidmatnya saja, tetapi tugasnya yang berat tidak siapa yang tahu. Terjasanya kesihatan Tun Hussein kerana terlampau mementingkan kerja untuk rakyat.

Nelayan dari Kedah, Encik Abdul Aziz Bakar berkata, Tun Hussein tidak dia pangkat dan harta. Kalau dia gilaikan pangkat, tentu dia tidak letakkan jawatan. Tetapi kita mesti sadar, kesihatannya juga harus dijaga.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



■ Tun Hussein dianggerahkan Hajah Keheormat Doktor Undang-undang oleh Canselor Universiti Kebangsaan, Tuanku Jaafar dalam tahun 1976.



■ Tun Hussein diberi penghormatan menguji seni mempertahankan diri Nasrul Hq di Rumah Nasrul Haq di Kuala Lumpur dalam tahun 1978.

MHANDARDKAN rakaman foto seakhir-akhir ini, nampaknya Tun Hussein Onn begitu berat meninggalkan kabinet yang dipimpinya sejak berapa tahun lalu.

Juga beresutuju dengan pendapat Encik Yusof dan Encik Abdul Aziz tadi. "Memang susah untuk mendapat Perdana Menteri seperti Tun Hussein. Sebagai manapun, kita tidak menafikan penggantian nanti Datuk Seri Dr. Mahathir juga tokoh yang digegani.

"Kita hanya dapat menikmati saja khidmatnya, tetapi tugasnya yang berat tidak siapa yang tahu. Tun Hussein adalah kerana terlampau mementingkan kerja-kerja untuk rakyat."

"Saya yakin ramai yang menyedari hal ini," jelasnya. Seorang peniaga buah-buahan di pasar malam Jalan Kelang, Encik Yatim Ahmad pula merasakan anak kehilangan ayah.

"Saya rasa sedih, kepada negara. "Nelayan dan pesawah. Nelayan di Kedah, Encik Abdul Aziz Bakar juga berkata, bakti Tun Hussein nial diperluikan. Tapi kita harus sadar, sihatannya juga harus dijaga.

"Saya yakin dengan gelaran bakti kepada negara, walaupun dia kini menjadi rakyat biasa."

"Saya beresutuju dengan pendapat Encik Yusof dan Encik Abdul Aziz tadi. "Memang susah untuk mendapat Perdana Menteri seperti Tun Hussein. Sebagai manapun, kita tidak menafikan penggantian nanti Datuk Seri Dr. Mahathir juga tokoh yang digegani.

"Saya yakin dengan gelaran bakti kepada negara, walaupun dia kini menjadi rakyat biasa."

Tokoh yg rela turun dari kerusi tinggi

Siapa selepas ini yang berani mengatakan beliau tamak atau gilakan kuasa?



Tun Hussein sangat mengambil berat nasib rakyat, terutama peniaga-peniaga kecil Bumiputera.

DI MASA lalu, antara suara mereka sering bertingkah di Dewan itu. Berdebat antara mencari kepastian serta kepastian itu adalah antara mereka yang cuba mengemukakan jawan, pemada dan pengiraan mereka bila di Dewan Rakyat.

Tetapi kini satu dari keduanya telah mengundir diri. Bukan kerana alah di meja debet atau banyak di peti sudi tetapi adalah berpada dari kerusi seperti itu yang tidak mengizinkan lagi. Lalu manusia itu — Tun Hussein Onn — berara dari gelanggangnya, menjadi rakyat biasa.

Dan, rakanmya yang selalu berdebat dan kadangkala dianggap orang sebagai musuhy ialah mereka dari barisan pembangkang. Namun, berundurmya seorang tokoh dari kerusi seperti itu juga mengurakan tokoh-tokoh pembangkang ini. Sungguhpun keduanya kerap dianggap lawan tetapi sebagai pemulih kaliber kepimpinan, mereka sebetulnyanya saling hormat-menghormati.

Kini, jika ditinjau pandangan para pembangkang kita tentang kerobahan Tun Hussein sebagai pemimpin nasional, dengan jujur akan dapat dipastikan dari mereka akan sika p-sikap yang sebenarnya mengemukakan pihak lawan.

Kata Dr. Chan Man Hin, Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP), dengan kerah-kehan politik dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia ini.

Komen yang sebegini dari seorang tokoh pembangkang begitu terang memaparkan yang Tun Hussein itu sebenarnya seorang tokoh yang telah dan dapat diterima oleh semua keturunan masyarakat. Inilah antara untuk sebuah negara bermasyarakat majmuk seperti kita.

Dr. Chan juga dalam komennya menyebut tentang sikap Tun Hussein dalam usaha membenarkan amalan rasuak. Kalangan bijak pandai sering memperkatakan tentang sikap Tun Hussein yang begitu berungguh-sungguh menghadapi bahaya penyewengan dan rasuah.

Pada detik-detik akhir ini, Dr. Chan menyebut tentang sikap atau usaha itu, nyatalah pada mata pembangkang bahawa sikap dan usaha jujur Tun Hussein itulah yang amat ketara buat mereka. Dan, buat kita juga itulah satu pembuktian akan kejujuran luhurnya jiwanya.

Beranyanya Tun Hussein dari jawatannya yang tertinggi itu, menjadi satu detik yang akan dikenang orang buat selamanya. Ini kerana perasaan seperti ini jarang berlaku. Yang Di Pertua Agung PAS, Datuk Haji Mohamad Asri bin Haji Muda, ketika mengulas perasaan Tun Hussein Onn berlaik yang penyekutan kuasa dari Tun Hussein kepada pengantarnya secara sukarela adalah satu peristiwa yang jarang berlaku dalam sejarah.

Pandangan dari seorang pemimpin pembangkang veteran ini, jelas membawa pengertian yang peritnya seruput ditenu payah dijupam.

Seorang yang dengan rela hati tampak kebasaannya dan sokor menjadi rakyat biasa, memang ilian. Tetapi Tun Hussein memem ilian ini.

Siapa selepas ini yang berani bahawa beliau gilakan kuasa?

Alau adakah lagi yang akan bahawa Tun Hussein ingit n sepanjang hayat?

Bukan sekadar perkataan, cuma jumljan — hakikat bahawa sein berara dari jawatannya tel kenyataan. Inilah semua yang m bumb kepada segala tolmah n yang cuba mengagut dengan n dia tamak kuasa.

Atallah, bukan kuasa yang tidak juga harta yang cuba dib la berada di puncak itu semalam berlian apa yang terdaya di kepada negara. Dan, apabila la yang ia tidak berupaya lagi, teru nyatakan yang hingga di st mengabdikan diri.



■ Betapa kasihnya Tun Hussein kepada 'anakny' sehingga sanggup menyayapkan nasi kerana dia cacat.



■ Tidak pentar sedikit pun adik S. Sivevanam berdekatan dengan Tun Hussein. Goloknya dia menceritakan pula kisah yang dibaca dari sebuah buku kepadanya.

SIFAT berungguh Tun Hussein Onn adalah pendorong bagi pemimpin lain, demikian pendapat Datin Paduka Zaleha Ismail, EXCO Negeri Selangor.

"Melihat betapa dedikasi, berungguh, teliti dan hati-hati Tun Hussein, bagi saya ini adalah pendorong untuk bekerja berungguh. Ini semua kerana tidak mahu menghampakan pemimpin yang telah banyak memberi peluang kepada kita," tambahny.

Bagi Datin Paduka Zaleha, beliau sangat terbutang budi pada Tun Hussein yang telah memberi banyak peluang kepadanya membuktikan pemimpin wanita juga sama penting dalam membangukan negara.

"Pertama kali saya temui Tun Hussein ialah bersama Ketua Bahagian Buku Teke adalah Bahasa dan Pustaka, kerana memancarkan masalah buku teke.

"Ketika itu, Tun Hussein malah Jadi Menteri Pelajaran. Beliau mendengar masalah kami dengan lali dan segera pula arahan bertindak. Masalah yang Dewan hadapi sepat tidak mahu melengah-jengahkan kerbelai untuk kebalikan rakyat," tegasnya.

"Datin Paduka Zaleha sangat terbutang budi kepada Tun Hussein yang menggarahkan Menteri Besar Selangor, Datuk Hormat Rafel memberikan kerusi EXCO Negeri kepadanya.

Ini adalah kerana dalam piliharanya 1978 duhu saya tidak boleh diberikan kerusi Partisan kerana sudah beliau dalam dalam Selangor yang mewakili Parlimen.

"Tetapi, kerana beliau mungkin mearakan mahu saya berakti sepenuhnya, diarahkan saya menduduki EXCO Negeri —

dan dengan ini tercatat dalam sejarah wanita buat pertama kali menjadi EXCO.

"Bagi Tun Hussein kebolehan seseorang itu mengatasi faktor-faktor lain dalam memberi peluang menjawat satu-satu jawatan. Ini semua orang tahu kerana beliau mahukan kerja berlian baik," tambahny.

Namun, Datin Paduka Zaleha sungguh bersyukur kerana pengganti Tun Hussein juga berpandangan jauh. Datuk Seri Dr. Mahahir sama seperti Tun Hussein dan beliau pasti akan memberi kedudukan yang adil pada pemimpin wanita.

Semula Rahmah Obuman pula berpandangan negara akan kehilangan pemimpin yang sangat jujur, serius menjalankan tugas, dan UMNO khususnya akan kehilangan tokoh yang begitu diagean.

"Tun Hussein tidak banyak cakap, tetapi bila sesuatu diusahkannya kata-kata itu benar-benar berkesan.

Tun Hussein ada caranya sendiri. Ketelitiannya perlu dicontohi," tambahny.

Peguan Ilai ialah ketika menyatakan raa sepihya di atas pengunduran bekas Perdana Menteri Tun Hussein yang jujur dan berah serta tak gila kuasa.

Beliau berpendapat prinsip itu digalakan Islam kerana itulah bukti ia bertakwa kepada Allah, walaupun beliau di kemuncak kenawah.

Sebagai peguan beliau berbangga dengan tokoh Tun Hussein yang juga peguan. Beliau telah menghormati 'rule-of-law' — tidak 'gilakan kuasa' dan sentiasa menghormati perlembagaan dan undang-undang.

Anugerah pangkat pertama Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara Bintang Seri Maharaja Mangku Negara (GBM), yang membawa gelaran Tun Hussein yang haru-haru ini, menurut Puan Hani lagi memang kena pada tempatnya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia